

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/08/2007

# Letak Malaysia ke tahap lebih membanggakan

UM - 31/8/2007

KUALA LUMPUR 30 Ogos – Rakyat diminta berazam meletakkan Malaysia ke tahap yang lebih cemerlang daripada apa yang dinikmati sekarang sempena sambutan kemerdekaan negara ke-50.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebagai pewaris yang akan memimpin negara pada masa depan, mereka bukan sekadar bertanggungjawab mengekalkan kejayaan tersebut malah perlu memperkukuhkan lagi

apa yang telah dicapai.

“Kita bukan sahaja harus mengenang jasa-jasa mereka yang telah mengasaskan Malaysia dan mengisi kemerdekaan, tetapi lebih bermakna kalau kita dapat teruskan perjuangan dan membawa negara kita ke tahap yang lebih besar dan membanggakan.

“Sebagai generasi penerus, kita bukan sekadar memperkukuhkan lagi apa yang telah dicapai malah harus melonjakkan kejayaan kita ke tahap yang lebih hebat,”

katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau sebelum itu menyampaikan anugerah Pingat Jasa Malaysia (PJM) kepada 45 veteran perang United Kingdom, Australia dan New Zealand.

Najib memberitahu, sambutan kemerdekaan negara ke-50 cukup bermakna kepada rakyat di negara ini yang terdiri daripada berbilang kaum serta agama.

“Secara peribadi, saya harap kemerdekaan negara yang ke-50 ini menjadi satu

Waktu Sembahyang	
● Subuh	5.51
● Syuruk	7.08
● Zuhur	1.17
● Asar	4.25
● Maghrib	7.21
● Isyak	8.31

Kuala Lumpur dan kawasan sewaktu dengannya

detik yang signifikan dan bermakna dalam konteks sejarah negara,” katanya.